



## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
1 Mac 2018

### **BONUS KHAS UNTUK AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DIKREDITKAN HARI INI SEMPENA ULANG TAHUN PNB KE-40**

**KUALA LUMPUR:-** Sebagaimana yang telah diumumkan pada Disember 2017, Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan mengkreditkan Bonus Khas sebanyak 1.00 sen seunit bagi 10,000 unit pertama kepada pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) hari ini, sempena ulang tahun ke-40 PNB pada 17 Mac 2018. Pengagihan pendapatan 7.00 sen seunit dan bonus 0.25 sen seunit untuk ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2018.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Bonus Khas Ulang Tahun ini merupakan penghargaan PNB kepada pemegang unit yang sentiasa setia menyokong kami selama ini. Hari ini, syarikat pengurusan unit amanah PNB iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat unit amanah terbesar di Malaysia dengan 228 bilion unit dalam edaran yang mana 67.3% adalah unit-unit ASB. Kami amat menghargai sokongan pemegang unit dan gembira untuk menghadiahikan Bonus Khas Ulang Tahun yang dibayar dari dana proprietari PNB sendiri.”

Bonus khas berjumlah RM255.12 juta beserta pengagihan pendapatan dan bonus yang telah diagihkan sebelum ini sebanyak RM10.48 bilion, akan memberi manfaat kepada 9.1 juta pemegang unit yang melanggar lebih 145 bilion unit ASB. Dengan ini lebih 7.5 juta pemegang unit dengan pegangan sehingga 10,000 unit akan menerima pulangan efektif sebanyak 8.25 sen seunit manakala tambahan 1.7 juta pemegang unit akan menerima sekurang-kurangnya 7.25 sen per unit.

Pengiraan pengagihan Bonus Khas adalah tertakluk kepada purata baki bulanan minimum selama 12 bulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, bagi 10,000 unit pertama sahaja.

Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun masing-masing melalui portal baharu ASNB [myasn.com.my](http://myasn.com.my) atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara mulai hari ini.

-Tamat-

**Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Pengurus Dana iaitu ASNB adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1979 sebagai syarikat pengurusan unit amanah di bawah PNB. Setelah lebih daripada 30 tahun berada dalam industri, ASNB kini mengurus 12 dana yang bernilai RM207.398 bilion pada tarikh catatan terakhir.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**